

Kes Covid China: Saham pembuat sarung tangan melonjak

PETALING JAYA: Syarikat pengeluaran sarung tangan menerima manfaat daripada peningkatan kes Covid-19 di China.

Antara yang memperoleh manfaat itu ialah syarikat pengeluar sarung tangan terbesar dunia, Top Glove, apabila sahamnya meningkat pada awal dagangan semalam.

Setakat 3 petang semalam, Top Glove merupakan kaunter kedua paling aktif didagangkan di Bursa Malaysia, dengan sahamnya meningkat 9.15 peratus kepada 89 sen setiap satu dengan 35.9 juta saham berpindah tangan.

Pembuat sarung tangan lain juga merupakan antara 20 kaunter aktif teratas, termasuk Careplus Group Berhad, naik 6.52 peratus kepada 49 sen, dengan 14.9 juta saham didagangkan, Hartalega Holdings

Berhad naik 5.92 peratus kepada RM1.79, dengan 8.6 juta saham didagangkan dan Supermax Corp Berhad naik 7.7 peratus kepada 90 sen dengan 6.3 juta saham didagangkan.

China mula menarik balik sekatan Covid-19 yang lebih ketat, selepas hampir tiga tahun diasingkan.

Menurut *Reuters*, Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China telah mengesahkan 393,067 kes dengan simptom setakat 22 Disember lalu.

“Suruhanjaya itu berkata, ia tidak akan lagi menerbitkan data Covid-19 harian mulai Ahad, di tengah keraguan tentang kebolehpercayaan (terhadap data dikeluarkan).

“China melaporkan tiada kematian Covid-19 di tanah besar selama enam hari hingga Ahad, menurut Pusat Kawalan dan

Pencegahan Penyakit China pada Ahad.

“Bagaimanapun, pada masa yang sama, rumah pengebumian dan krematorium di negara itu dilaporkan bergelut untuk memenuhi permintaan,” lapor *Reuters*.

Malah, laporan itu memetik sebuah hospital Shanghai yang memberitahu kakitangannya pada minggu lalu supaya bersiap sedia untuk berdepan “pertempuran tragis” dengan Covid-19, kerana ia menjangkakan separuh daripada 25 juta penduduk bandar berkenaan akan dijangkiti menjelang akhir minggu selepas Krismas.

Firma data kesihatan yang berpangkalan di Britain, Airfinity minggu lalu menganggarkan China mengalami lebih daripada sejuta jangkitan dan 5,000 kematian sehari.



PENINGKATAN kes Covid-19 di China dijangka meningkatkan kembali permintaan terhadap sarung tangan. - GAMBAR HIASAN